



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pahang

Bandar Indera Mahkota

25604 Kuantan

Pahang Darul Makmur

Tel : 09-5715700

Faks : 09-5734857

Laman Web : jnpahang.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNP.SPS.500-3/3/3 Jld.4 (10)

Tarikh : 20 JULAI 2023

PROFESOR MADYA DR. ASHARDI BIN ABAS

Pengarah

Pusat Latihan Mengajar dan Industri

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Aras Bawah, Blok 9

Kampus Sultan Azlan Shah

35900 Tanjong Malim

PERAK

Tuan,

KEBENARAN MENEMPATKAN GURU PELATIH/ KAUNSELOR PELATIH UPSI UNTUK MENJALANI PROGRAM LATIHAN MENGAJAR/ INTERNSHIP KAUNSELING BAGI SEMESTER 1 SESI 2023/2024 (A231) - OGOS 2023 DI SEKOLAH-SEKOLAH BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DI NEGERI PAHANG TAHUN 2023.

Dengan segala hormatnya, saya diarahkan merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan UPSI/PLMI/LM/639/A231 (10) bertarikh 07 JULAI 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini tiada halangan bagi menempatkan pelatih tuan menjalani program di atas di sekolah-sekolah di negeri Pahang sebagaimana yang dipohon iaitu bermula 13/14 Ogos sehingga 12/13 Oktober 2023 (8 minggu) bagi **Latihan Mengajar** dan 14 Ogos sehingga 15 Disember 2023 (16 minggu) bagi **Internship Kaunseling**.

3. Penempatan ini tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia / Jabatan Pendidikan Negeri Pahang / Pejabat Pendidikan Daerah mahupun pihak sekolah. Walau bagaimanapun, pemberian elaun kepada pelajar yang menjalani latihan industri / praktikal di jabatan / agensi kerajaan adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada di jabatan.

4. Pihak tuan juga perlu mengemukakan nama pelajar kepada pendaftar negeri (Pengarah Pendidikan Negeri Pahang) di mana pelajar akan mengikuti latihan mengajar/Latihan Industri/ROS tersebut untuk mendapatkan permit mengajar.

5. Pihak tuan perlu memastikan pelajar mengisi permohonan untuk mendapatkan permit mengajar di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) berkenaan. Kegagalan mendapatkan permit mengajar sebelum menjalani praktikum boleh menyebabkan pelajar tidak dapat menjalani latihan praktikum.

6. Kelulusan ini tertakluk kepada:

6.1 Seksyen 103(1) dan 2(a).2(b), Larangan Mengajar, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550);

- 6.2 Seksyen 114(1)(a) Pengeluaran Permit Mengajar, Akta Pendidikan 1996 Akta 550); dan**
- 6.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7/1985: Latihan Mengajar bagi Guru-Guru Pelatih Maktab Perguruan, Pusat/Fakulti Pendidikan Universiti.**
7. Di samping itu, pihak tuan juga dikehendaki memastikan syarat-syarat berikut dipatuhi;
- 7.1 Mendapat persetujuan Pengetua/Guru Besar sekolah terlibat;
 - 7.2 Pihak sekolah perlu melantik guru pemantau dan mereka boleh pada bila-bila masa memantau guru guru pelatih berkenaan;
 - 7.3 Pihak universiti/institusi pendidikan hendaklah menamakan pegawai akademik/pensyarah/pembimbing yang akan bertanggungjawab kepada guru guru pelatih berkenaan;
 - 7.4 Pengarah Pendidikan Negeri boleh menggunakan budi bicaranya untuk menentukan jadual pengajaran/tugas pelatih berkenaan setelah berbincang dengan pegawai akademik/ pensyarah pembimbing mereka;
 - 7.5 Guru-guru pelatih boleh diarahkan oleh Pengetua/ Guru Besar untuk terlibat sama dengan mana-mana program atau aktiviti sekolah;
 - 7.6 Pihak universiti/ institusi pendidikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebajikan pelatih sepanjang menjalani latihan mengajar dan *internship* tersebut;
 - 7.7 Semua kos yang melibatkan peralatan semasa menjalani latihan mengajar dan intership tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pihak universiti atau institut pendidikan;
 - 7.8 Pelatih yang sedang menjalani latihan mengajar dan *internship* adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan sedia ada, etika profesion keguruan dan tindakan boleh diambil jika mereka melanggar mana-mana peraturan tersebut;
 - 7.9 Salinan laporan di akhir latihan mengajar dan *internship* hendaklah dikemukakan dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan kepada Ketua Pendaftar Jabatan Pendidikan Negeri Pahang; serta
 - 7.10 Mematuhi arahan-arahan lain Ketua Pendaftar Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dari semasa ke semasa; dan

JPNP.SPS.500-3/3/3 Jld.4 (10)

- 7.11 Mematuhi arahan-arahan lain Ketua Pendaftar Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dari semasa ke semasa; dan
- 7.12 Hanya guru pelatih yang telah lengkap divaksin sahaja dibenarkan melaksanakan latihan mengajar di sekolah. Kegagalan guru pelatih mendapatkan vaksin lengkap pada tarikh melapor diri di sekolah akan menyebabkan surat kebenaran ini terbatal; dan
- 7.13 Guru-guru pelatih perlu mematuhi sepenuhnya *Standard Operating Procedure (SOP)* pengawalan penularan jangkitan Coronavirus (COVID-19) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

8. Pihak tuan boleh menghubungi pelajar-pelajar tersebut untuk melayari laman web berikut untuk membuat permohonan permit mengajar: <https://sites.google.com/view/jpnp-permit-mengajar/home..> Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini sila hubungi En. Ahmad Rizal b. Md Isa, Unit Menengah dan Tingkatan 6 di talian 09-5715759 atau Pn. Noranita bt Tahir di talian 09-5715747 Unit Sekolah Rendah.

9. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan setiap pengeluaran permit mengajar dikenakan bayaran sebanyak RM40.00 (seperti Lampiran A). Bayaran bolehlah dibuat dengan kiriman wang/wang pos atas nama 'Pengarah Pendidikan Pahang' melalui Unit Pengurusan Sekolah Rendah, Jabatan Pendidikan Pahang.

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam urusan ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHD AZMI BIN OTHMAN, AMP)
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pengurusan Sekolah
b/p Pengarah Pendidikan Pahang

s.k :

- Fail timbul

Lampiran A

1. Permit mengajar yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar akan dikenakan fi mengikut kadar yang ditetapkan dalam Jadual Keenam.(PU(A) 258/2013)

JADUAL KEENAM FI [Peraturan 3, 6, 7 dan 8]

Bil	Fi Permohonan	Fi
1	Fi proses (bagi permohonan baru, permohonan bagi pembaharuan permit mengajar, perubahan kategori institusi Pendidikan dan permohonan bagi penggantian permit mengajar)	RM10.00
2	Permit mengajar: i. Lain-lain institusi pendidikan	RM30.00
Jumlah		RM40.00

1. Cara membuat pembayaran;
 - a. Buat permohonan Permit Mengajar secara atas talian di;
<https://sites.google.com/view/jpnp-permit-mengajar/>
 - b. Lengkapkan Borang B dan kepilkan bersama kiriman wang atau wang pos. (KIRIMAN WANG ATAU WANG POS BOLEH DIDAPATI DI PEJABAT POS BERHAMPIRAN). Pemohon DI LARANG MENGEPOS WANG TUNAI ke alamat yang telah dinyatakan.
 - c. Hantar Borang B dan kiriman wang atau wang pos ke;

**Unit Sekolah Rendah
Sektor Pengurusan Sekolah
Jabatan Pendidikan Negeri PAHANG
Bandar Indera Mahkota
25604 KUANTAN
PAHANG.**

BORANG B



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**PEMBAYARAN BAGI PERMOHONAN PERMIT MENGAJAR
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PAHANG**

SayaNo. KP:.....No.HP:.....

(Nama Pelajar)

dariyang akan menjalani Latihan Mengajar
(Praktikum)

(Nama Institusi Pelajar)

di
(Nama Sekolah) (Nama Daerah)

mulai.....sehinggadengan ini memohon permit mengajar dengan bayaran berikut:

Bil	No Kiriman Wang/Wang Pos	Jumlah (RM)
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
JUMLAH		

- * **BAYARAN PERMIT MENGGUNAKAN KIRIMAN WANG ATAU WANG POS (KIRIMAN WANG ATAU WANG POS BOLEH DIDAPATI DI PEJABAT POS BERHAMPIRAN)**
- * **Pemohon DI LARANG MENGEPOS WANG TUNAI ke alamat yang telah dinyatakan.**
- * **NAMA PENERIMA ATAU BAYAR KEPADA HENDAKLAH DITULIS ATAS NAMA "PENGARAH PENDIDIKAN PAHANG"**

Saya mengaku maklumat yang diberikan adalah betul

Tanda Tangan Pemohon:

Tarikh:

.....
(NO KP:

)
.....